



BADAN KAWALSELIA AIR JOHOR (BAKAJ)
ARAS 4, BANGUNAN DATO' MOHAMAD IBRAHIM MUNSYI,
79630 KOTA ISKANDAR, ISKANDAR PUTERI, JOHOR.

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Badan Kawalselia Air Johor bagi jawatan seperti berikut :-

1. SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU KHIDMAT AM

Klasifikasi Perkhidmatan : KEMAHIRAN (H)

Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA

Gred : H1

Taraf Jawatan : KONTRAK

Jadual Gaji :	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
	RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

Elaun-elaun : Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
Imbuhan Bantuan Sara Hidup : RM350.00

Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

Kekosongan : **LIMA (5) KEKOSONGAN**

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara **Malaysia** dan **kad pengenalan yang lahir di Negeri Johor bagi (Kod:01 atau 23)**
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan: dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
Gaji Permulaan ialah pada H1 : RM1,500.00 atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
Gaji Permulaan ialah pada H11 : RM1,500.00 ; atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji Permulaan ialah pada H11 : RM1,561.00 ; atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji Permulaan ialah pada H11 : RM1,622.00.
 - (e) **Syarat kelayakan Bahasa Melayu:**
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam bidang subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (f) **Syarat tambahan lantikan:-**
 - (i) Mempunyai kemahiran dalam **penyuntingan video dan gambar menggunakan perisian seperti Adobe photoshop, adobe Premiere Pro, Photoshop, Canva dan lain-lain aplikasi** untuk tujuan pemasaran digital dan media sosial jabatan;

2. Penaklukan Di Bawah : Syarat - Syarat Skim Perkhidmatan Pegawai – pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan – pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

3. Deskripsi Tugas :-

- (i) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk digunakan pada setiap perjalanan;
- (ii) Membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen;
- (iii) Membantu Penolong Jurutera melaksanakan pemeriksaan keselamatan empangan, penyelenggaraan dan pemberian ke atas semua alat kelengkapan empangan;
- (iv) Membantu Penolong Jurutera melaksanakan pemantauan struktur empangan, menara intake, rumah pam, kolam takungan empangan dan kawasan tadahan air empangan;
- (v) Melaksanakan kerja-kerja mencatat dan merekodkan bacaan tolok hujan setiap hari;
- (vi) Menyediakan laporan harian/bulanan/tahunan kepada Penolong Jurutera berkaitan operasi empangan;
- (vii) Membantu Penolong Jurutera melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyelenggaraan berkala peralatan mekanikal, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem mekanikal serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan;
- (viii) Membantu dalam memantau kerja-kerja pembersihan kawasan empangan, ruang pejabat, menara intake dan rumah pam.
- (ix) Melaksanakan tugas-tugas pembersihan di dalam dan diluar kawasan pejabat yang diarahkan, mencuci dan mengemas alatan dan perkakas, melaporkan kerosakan aset jabatan kepada penyelia dan menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa

CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

1. Permohonan hendaklah dilakukan secara atas talian di <https://jawatan.johor.gov.my>

TARIKH BUKA PERMOHONAN : 01 JULAI 2025 (SELASA)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 30 JULAI 2025 (RABU)

1. Catatan Am :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan sijil keputusan peperiksaan dan salinan sijil berhenti sekolah yang telah diakui sah.
- iii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan Perintah Am Bab A Bil. 21 dengan menyertakan salinan **Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.**
- iv. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temu duga
- v. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA.**
- vi. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah tanggungjawab sendiri.

**PENGARAH,
BADAN KAWALSELIA AIR JOHOR (BAKAJ)
ARAS 4, BANGUNAN DATO MUHAMMAD IBRAHIM MUNSYI,
79630 KOTA ISKANDAR, ISKANDAR PUTERI,
JOHOR BAHRU.**

No Tel Pejabat : 07-2666537

Email : bakaj@johor.gov.my